

CNS9369

U GB 08-07 00193 BH525

aab

Mahathir - Wartawan '''

ALOR SETAR, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, tindakan sesetengah wartawan asing melaporkan keburukan Malaysia berpunca daripada sikap iri hati mereka terhadap kejayaan yang dicapai oleh negara ini.

Menurutnya, Malaysia seringkali menjadi sasaran laporan wartawan asing kerana negara ini sudah berjaya.

+Mereka (wartawan asing) tidak mahu menumpukan (laporan) kepada negara yang tidak berjaya...jadi, kalau kita berjaya, mereka cari keburukan yang ada pada kita dan kalau negeri kita miskin, minta sedekah, mereka cukup gembira kerana kita meminta pertolongan daripada mereka.

+Kalau kita tak minta pertolongan, mengemis (daripada mereka), mereka cari keburukan kita,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, di sini, petang ini.

Beliau tiba di sini untuk merasmikan majlis penutup Pesta Sukan Antara Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri di Universiti Utara Malaysia di Sintok.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas tindakan polis mengusir dua wartawan asing yang datang untuk membuat liputan tunjuk perasaan memprotes kegiatan pembalakan di Kuala Baram, Sarawak dua hari lepas. -- Lagi

♥08/07/18-22MST

CNS9393

U GB 08-07 00153 BH527

aab

Mahathir - Wartawan 2 Alor Setar '''

Kedua-dua wartawan itu, Anna Leonard, 30, seorang penulis bebas dari Amerika Syarikat dan Frank Mumberg, 27, wartawan sebuah akhbar Jerman, dikenakan perintah meninggalkan Malaysia dalam masa tiga hari sejak Sabtu lepas.

Mengenai kemungkinan Malaysia menapis wartawan asing yang hendak masuk ke negara ini, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian.

+(Jika mereka) nak datang, datanglah. Kita tak pernah mengharap mereka akan membuat laporan yang baik (mengenai Malaysia). Hanya kita sahaja, berkenaan negara asing, menumpukan kepada kebaikan mereka.

+Memang telah menjadi kebudayaan mereka untuk memandang rendah kepada orang kulit hitam. Perasaan bahawa mereka lebih tinggi daripada kita masih ada,+ katanya.

Mengenai penahanan lapan orang, yang mendakwa diri mereka sebagai pencinta alam, dari beberapa negara asing yang mengadakan tunjuk perasaan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +fahaman imperialisme sebenarnya belum mati lagi.+ -- Lagi

♥08/07/18-39MST

U GB 08-07 00142 BH528

aab

Mahathir - Wartawan 3 Alor Setar '''

+Masih ada pendapat di kalangan orang putih bahawa kita tak tahu nak memerintah negara kita. Mereka mesti tunjuk ajar kita seolah-olah mereka lebih tahu daripada kita.

+Zaman mereka mentadbir dulu, orang Penan tinggal macam itu juga, (bahkan) keadaan mereka lebih buruk lagi dari sekarang,+ katanya.

Dalam tunjuk perasaan di Kolam Balak, Kuala Baram itu, empat daripada rakyat asing itu dikatakan mengikat diri sendiri pada kren pengangkut balak setinggi dua meter, dua bergantung kepada tali pemanjat kren itu manakala dua lagi merantai diri pada timbunan balak.

Mengenai laporan bahawa beberapa orang pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau belum menerima apa-apa maklumat mengenainya.

+Itu terpulanglah kepada BPR,+ katanya. -- Lagi

♥08/07/18-41MST

CNS9395

U GB 08-07 00172 BH529

aab

Mahathir - Wartawan 4 Alor Setar '''

Sebuah akhbar hari ini melaporkan bahawa BPR telah menahan seorang pegawai KDN dan seorang ahli perniagaan kerana rasuah. Pegawai itu ditahan di Kedah Jumaat lepas manakala ahli perniagaan itu, seorang penjual kereta terpakai, ditahan di Kuala Lumpur pada Khamis.

Ketika ditanya mengenai satu laporan lain mengenai tuduhan DAP kononnya Barisan Nasional (BN) berbelanja lebih daripada yang dihadkan oleh undang-undang pada kempen pilihan raya yang lepas, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, DAP biasa membuat tuduhan seumpama itu, terutama tuduhan +yang mereka boleh bebas daripada tindakan undang-undang.+

+Kalau DAP boleh guna kempen yang berasaskan kebenaran, saya berasa hairan. Tapi tak mungkin...apa yang mereka buat ialah melempar fitnah, membohong, menceritakan yang bukan-bukan dan memburukkan peribadi orang lain,+ katanya.

Ketibaan Perdana Menteri dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali di lapangan terbang disambut oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Ar'off dan para anggota exco kerajaan negeri. -- Bernama

♥08/07/18-42MST